

IMPAK LIRIK LAGU RAKYAT MELAYU TERHADAP PELANCONGAN DI TERENGGANU

The Impact of Malay Folk Song Lyrics on Tourism in Terengganu

**Nurul Syuhada Mohd Sharol¹, Nordiana Ab Jabar², Suraya Sukri³,
Chris Dickerson Thomas⁴ & Nurain Adha Normee Hadee⁵**

^{1, 2, 3, 4, 5} Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
¹nurulsyuhadasharol24@gmail.com; ²nordiana.aj@umk.edu.my; ³suraya@umk.edu.my;
⁴chrisdickerson51@gmail.com; & ⁵c24d1712f@siswa.umk.edu.my

*Penulis koresponden

Diterima: 18 Sept 2025; **Disemak semula:** 21 Okt 2025; **Diterima:** 25 Nov 2025; **Diterbitkan:** 26 Dis 2025

To cite this article (APA): Mohd Sharol, N. S., Ab Jabar, N., Sukri, S., Thomas, C. D., & Normee Hadee, N. A. (2025). Impak Lirik Lagu Rakyat Melayu Terhadap Pelancongan di Terengganu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(2), 49-63. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.5.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.2.5.2025>

ABSTRAK

Kajian ini meneliti peranan lirik lagu rakyat Melayu dalam meningkatkan pembangunan pelancongan di Terengganu. Meskipun ianya sarat dengan nilai budaya, lagu rakyat semakin kurang diketahui oleh masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran, iaitu analisis kualitatif terhadap dua lirik lagu rakyat Melayu Terengganu, serta kajian kuantitatif menerusi soal selidik berstruktur kepada rakyat Malaysia yang berpotensi menjadi pelancong. Dapatan menunjukkan lirik lagu rakyat menonjolkan identiti dan tema budaya Terengganu seperti kepercayaan tradisional, cerita rakyat, dan warisan setempat. Pengetahuan terhadap lagu rakyat didapati dapat meningkatkan minat mengunjungi Terengganu dan penghargaan terhadap budaya tempatan. Kajian ini mencadangkan penggabungan elemen lagu rakyat dalam strategi pemasaran, pelancongan sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan warisan serta memelihara warisan tidak ketara Malaysia.

Kata kunci: Identiti budaya, Lagu rakyat Melayu, Pelancongan warisan, Terengganu, Warisan tidak ketara

ABSTRACT

This study examines the role of Malay folk song lyrics in enhancing tourism development in Terengganu. Although rich in cultural values, folk songs are becoming less known among the community. This study employed a mixed-methods approach, involving qualitative analysis of two Malay folk song lyrics from Terengganu, as well as a quantitative survey using structured questionnaires among Malaysians who are potential tourists. The findings show that the lyrics highlight Terengganu's cultural identity and themes such as traditional beliefs, local folklore, and heritage environment. Awareness of folk songs was found to increase interest in visiting Terengganu and appreciation of local culture. This study suggests incorporating folk song elements into tourism marketing strategies as an effort to strengthen Terengganu as a cultural tourism destination and to preserve Malaysia's intangible heritage.

Keywords: Cultural identity, Malay folk songs, Cultural tourism, Terengganu, Intangible heritage

PENGENALAN

Lagu rakyat merupakan salah satu bentuk sastera lisan yang disampaikan melalui lirik dan dendangan, dan pada asalnya digunakan secara meluas oleh masyarakat lampau. Lagu rakyat Melayu merujuk kepada nyanyian masyarakat Melayu tradisional yang berakar daripada daerah tertentu di Tanah Melayu (Nurul Syazwani et al., 2023). Dicipta secara kolektif dan bersifat fungsional oleh masyarakat sekitar abad ke-20, lagu rakyat menjadi medium untuk menzahirkan pengalaman hidup dan identiti budaya. Secara umumnya, lagu rakyat ditakrifkan sebagai karya sastera yang tersebar secara lisan, tidak mempunyai pengarang khusus, serta mencerminkan nilai dan identiti budaya sesebuah masyarakat (UNESCO, 2003). Ia juga berkembang serta mengalami perubahan dari generasi ke generasi melalui proses rakyat. Fenomena lagu rakyat bukan sahaja wujud di Tanah Melayu, malah turut dikenali di Barat sebagai *folk music* sejak abad ke-19 dan mencapai kemuncak populariti pada era 1960-an.

Dalam konteks masyarakat Melayu, lagu rakyat mengandungi tema-tema seperti adat, cerita rakyat, alam sekitar dan pengalaman hidup yang menjadi sebahagian daripada warisan tidak ketara bangsa. Melalui lagu rakyat, masyarakat bukan sahaja melestarikan pengalaman mereka, malah memperoleh pengetahuan tentang kehidupan komuniti lain di Tanah Melayu.

Seiring dengan kepelbagaian fungsi tersebut, lagu rakyat berpotensi menjadi aset penting dalam pembangunan pelancongan budaya. Pelancongan, menurut UNWTO (2022), merupakan aktiviti sosial, kebudayaan dan ekonomi yang melibatkan pergerakan manusia ke destinasi di luar persekitaran harian mereka untuk tujuan rekreasi, perniagaan atau lain-lain keperluan. Pelancongan atau dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai *tourism* merupakan satu perkataan yang berasal daripada Bahasa Latin iaitu 'tornate', dan bahasa Greek 'tornos' yang membawa maksud pergerakan manusia dalam suatu bulatan. Selain itu, menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, pelancongan didefinisikan sebagai sebuah aktiviti mengunjungi disamping menggalakkan aktiviti perusahaan di sesebuah tempat yang melebihi 50 batu daripada kediaman asal seseorang, dan tidak melebihi jangka masa setahun.

Definisi pelancongan yang dikemukakan oleh Leiper (1981) memperlihatkan bahawa pelancongan merupakan satu sistem terbuka yang kompleks dan bersifat menyeluruh, melibatkan interaksi dinamik antara manusia dengan persekitarannya. Empat elemen utama yang diketengahkan—iaitu pelancong sebagai aktor utama, kawasan yang merangkumi destinasi asal, persinggahan dan destinasi akhir, sumbangan ekonomi melalui perkembangan industri pelancongan serta manfaat kepada peniaga tempatan, dan akhirnya kesan dinamik yang merujuk kepada pengalaman serta perubahan yang dialami individu—menunjukkan bahawa pelancongan tidak hanya berfungsi sebagai aktiviti rekreasi semata-mata, tetapi turut memberi impak signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi, pengukuhan jaringan antara kawasan, serta kesejahteraan psikologi pelancong. Justeru, pemahaman terhadap elemen-elemen ini amat penting kerana ia menegaskan bahawa pelancongan adalah fenomena multidimensi yang memberi kesan timbal balik antara individu, masyarakat, ekonomi dan persekitaran destinasi.

Dalam konteks pelancongan budaya, warisan seperti lagu rakyat boleh dijadikan tarikan yang memberi pengalaman autentik kepada pelancong, di samping memperkukuh penghargaan terhadap identiti tempatan (Richards, 2018). Justeru, mengangkat lagu rakyat Melayu sebagai daya tarikan pelancongan berpotensi mempromosikan negeri Terengganu sebagai destinasi warisan budaya yang unik, selain menyumbang kepada usaha pemeliharaan warisan tidak ketara Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa pelancongan warisan memainkan peranan penting dalam melestarikan identiti budaya, di samping menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat melalui penjanaaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan serta pengukuhan industri pelancongan (Timothy & Nyaupane, 2009). Justeru, pelancongan warisan dapat dilihat sebagai satu cabang pelancongan yang multidimensi kerana ia bukan sahaja memelihara warisan untuk generasi akan datang, tetapi juga memperkukuh hubungan antara pelancong, masyarakat dan destinasi secara berterusan.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan penelitian kajian, didapati bahawa kajian mengenai lagu-lagu rakyat Melayu di Terengganu dan impak yang diberikan terhadap sektor pelancongan masih belum mendapat perhatian daripada mana-mana pengkaji terdahulu. Situasi ini memperlihatkan bahawa masyarakat belum menyedari potensi lagu-lagu rakyat tempatan sebagai daya tarikan pelancong untuk mengunjungi negeri-negeri di Malaysia, terutamanya negeri Terengganu yang difokuskan di dalam kajian ini. Farihad Shalla Mahmud (2022) turut membincangkan persepsi masyarakat yang dilihat masih terikat dengan pandangan tabloid terhadap lagu-lagu rakyat. Hasil kajiannya mendapati bahawa minat masyarakat moden terhadap lagu-lagu rakyat tradisional semakin pudar disebabkan oleh kemunculan pelbagai genre muzik baharu yang lebih digemari. Keadaan ini sekaligus telah meletakkan lagu-lagu rakyat Melayu dalam kedudukan yang terancam, perkahan-lahan pupus dan semakin hilang dalam arus peralihan zaman.

Berbeza dengan zaman kini, masyarakat terdahulu sering mendendangkan lagu-lagu rakyat Melayu dalam aktiviti seharian, terutamanya dalam permainan kanak-kanak seperti lagu Joget Wan Lebor, Tepuk Amai-Amai, dan Air Pasang Pagi yang sering dikaitkan dengan permainan tepuk tangan atau lompat tali. Selain itu juga, lagu-lagu seperti Buai Laju-Laju dan Ayun Buai Kokek pula lazimnya digunakan sebagai lagu dodoian untuk anak kecil, bergantung kepada loghat dan tradisi negeri masing-masing. Namun begitu, sikap alpa masyarakat sekarang telah menimbulkan cabaran besar pada masa kini apabila generasi kanak-kanak di era globalisasi ini semakin terasing dengan lagu-lagu rakyat yang dahulunya menjadi kebanggaan masyarakat Melayu. Menurut Zainal (2022), kanak-kanak kini lebih mengenali dan menguasai lagu berbahasa Inggeris seperti lagu *Twinkle-Twinkle Little Star* dan *The Wheels on The Bus* berbanding lagu-lagu rakyat seperti Tepuk Amai-Amai. Fenomena ini jelas membuktikan bahawa masyarakat semakin melupakan tradisi lama yang sarat makna iaitu “pergilah ke mana pun seperti burung, tetapi jangan sekali-kali melupakan asal usul”.

Bagi permasalahan dalam industri pelancongan pula, Malaysia berdepan dengan cabaran besar apabila sektor ini telah lumpuh akibat penularan pandemik Covid-19 di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Ketika itu, bukan sahaja pelancong antarabangsa dilarang memasuki Malaysia, malah juga rakyat tempatan turut tidak dibenarkan untuk melakukan aktiviti pelancongan domestik untuk merentasi negeri-negeri dalam negara (Iskandar Mirza, 2022). Krisis ini berlarutan sepanjang tahun 2019 sehingga 2021 apabila wabak berkenaan telah menjejaskan hampir keseluruhan sistem kehidupan global termasuk sektor pelancongan. Namun begitu, keadaan mulai pulih secara beransur-ansur dengan kelonggaran yang diberikan, misalnya pembukaan semula sempadan antara negeri di Malaysia pada November 2021 yang membolehkan aktiviti pelancongan domestik kembali dijalankan. Seiring dengan itu, masyarakat tempatan mula melakukan lawatan ke destinasi pelancongan dalam negara, sekali gus membantu memulihkan kembali industri pelancongan. Seterusnya, pada April 2022, Malaysia telah mengambil langkah lebih besar dengan membuka semula sempadan antarabangsa dan kembali menerima pelancong luar negara. Menurut rekod, jumlah pelancongan yang direkodkan pada tahun 2022 mencapai hampir 50% daripada jumlah pelancong yang hadir pada tahun 2019, sekali gus membuktikan proses pemulihan industri pelancongan negara telah berlaku secara positif dan berperingkat.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menganalisis nilai budaya yang terdapat di dalam lirik lagu rakyat terpilih.
- ii. Menilai sejauh mana lirik lagu rakyat memberikan tarikan kepada pelancong.

SOROTAN KAJIAN

Kajian oleh Nor Faizah Ismail (2022) yang bertajuk *Kajian Terhadap Lagu-Lagu Rakyat yang Popular di Negeri Kelantan*, lagu rakyat didefinisikan sebagai salah satu bentuk sastra berunsurkan nyanyian yang dicipta oleh masyarakat terdahulu dan diwarisi sehingga ke generasi kini. Menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif, kajian beliau meneliti kepopularan lagu rakyat di negeri Kelantan dan mendapati bahawa penciptaannya bukan hanya berfungsi sebagai satu bentuk hiburan, malah juga turut mengandungi unsur nasihat yang mampu mendidik serta memberikan pengajaran kepada masyarakat. Malah, lagu-lagu rakyat tersebut didapati banyak menekankan kepada aspek pembentukan nilai dalam kalangan generasi muda seperti remaja dan kanak-kanak. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa lagu-lagu rakyat boleh dianggap sebagai salah satu medium pendidikan tidak formal yang relevan dalam konteks sosial masyarakat.

Seterusnya, menurut Wan Nur Atikah Wan Rahman (2011) dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Kajian Terhadap Tema dan Persoalan di dalam Lagu Rakyat Kelantan*, lagu rakyat dianggap sebagai satu bentuk seni yang menggabungkan puisi, lagu, dan rima yang telah dihargai oleh masyarakat Melayu sejak turun-temurun. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengaplikasian teori Sosiologi bagi meneliti tema dan persoalan yang terkandung di dalam lagu rakyat Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lirik lagu rakyat bukan sahaja berperanan sebagai hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai medium pewarisan bahasa, budaya, dan nilai masyarakat daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan oleh masyarakat tradisional pada masa terdahulu jelas memperlihatkan peranannya iaitu sebagai medium hiburan dan pada masa yang sama, sebagai wadah pendidikan tidak formal. Malah, penyanyi atau penghibur lagu rakyat pada zaman dahulu turut berperanan sebagai penglipur lara yang menyampaikan cerita rakyat dan kisah masyarakat melalui nyanyian, sekali gus menjadikan lagu rakyat satu bentuk sastra yang sarat dengan fungsi sosial dan budaya.

Rosyiha Sidek (2010) menerusi kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Lagu Rakyat Terengganu* mendefinisikan lagu rakyat sebagai satu bentuk nyanyian yang mencerminkan identiti sesebuah masyarakat. Hal ini kerana bahasa dan loghat yang digunakan di dalam lagu rakyat adalah cerminan budaya setempat, bergantung kepada kawasan dan negeri asal masyarakat tersebut. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneliti nilai-nilai murni yang terkandung di dalam lagu rakyat negeri Terengganu. Objektif utama kajian ini adalah untuk memperkenalkan kembali lagu-lagu rakyat Terengganu kepada masyarakat secara lebih meluas memandangkan bentuk warisan ini semakin ditelan zaman. Dapatan kajian menegaskan bahawa lagu rakyat memainkan peranan penting dalam membina identiti budaya, menyampaikan nilai murni, serta memperkukuhkan kedudukan warisan tidak ketara masyarakat di Terengganu.

Seri Fajiha, Yuhani Mhd Bakri dan Mohd Hassan Abdullah (2022) menerusi kajiannya yang bertajuk *Persepsi guru pelatih terhadap penciptaan lirik lagu kanak-kanak Melayu tradisional sebagai bahan pengajaran* mendapati bahawa penggunaan lagu dalam pembelajaran adalah satu pendekatan yang semakin mendapat perhatian pada generasi ini. Hal ini dijelaskan membawa respon positif terhadap pelajar di mana pemahaman dan minat mereka terhadap topik pembelajaran tersebut semakin meningkat kerana ianya dapat membantu mengasah ingatan dan tumpuan. Hasil kajian ini merumuskan bahawa idea terhadap integrasi muzik ataupun lagu tradisional ini adalah amat digalakkan dalam pembelajaran, bukan hanya untuk menyokong pemahaman konsep pembelajaran, tetapi juga untuk menyumbang kepada pemeliharaan elemen budaya dan tradisional dalam perkara moden seperti pendidikan dan pelancongan yang berkaitan dengan kajian ini.

Dapatan kajian seterusnya diperolehi daripada akhbar digital Utusan Malaysia melalui penulisan Aida Kamaruddin (2020) yang bertajuk *Tiada Jati Diri Punca Lagu Rakyat Pupus*. Artikel ini melaporkan bahawa masyarakat masa kini semakin kurang berminat dengan lagu-lagu rakyat tradisional. Fenomena ini dikaitkan dengan ketiadaan jati diri dalam kalangan masyarakat era globalisasi. Selain itu, isu ini dikatakan turut diperburukkan oleh kelemahan penggiat seni budaya dalam memanfaatkan media sosial yang kini menjadi medium utama untuk berkomunikasi generasi terkini. Menurut Prof. Datuk. Dr.

Aripin Said, lagu rakyat semakin terpinggir kerana peranan penglipur lara moden kian pudar, malah ramai dalam kalangan mereka sudah tidak lagi berminat untuk memperjuangkan dan memelihara khazanah seni bangsa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kurangnya minat dan usaha pemeliharaan menjadi faktor utama kepupusan lagu-lagu rakyat dalam masyarakat hari ini.

Er Ah Coy (2013) dalam artikelnya yang bertajuk *Pembangunan Pelancongan Lestari di Melaka: Perspektif Pelancong* menegaskan bahawa aktiviti pelancongan merupakan salah satu komponen penting dalam sektor perkhidmatan, dengan sumbangan yang semakin meningkat terhadap pendapatan negara dari semasa ke semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi mencapai objektif yang ditetapkan, khususnya dalam menilai persepsi pelancong terhadap pelancongan di Melaka. Hal ini berikutan dengan negeri Melaka mempunyai pelbagai tapak warisan bersejarah seperti A Famosa dan Stadthuys yang menjadi daya tarikan utama pelancong. Justeru itu, kekayaan sejarah dan budaya yang dimiliki telah melayakkan negeri Melaka disenaraikan sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

Kajian oleh Norazlita, Ahmad Azmi dan Tan Wie Vien (2009) bertajuk *Kajian Awal ke atas Potensi Pelancongan dalam Pasaran Remaja di Malaysia* meneliti tentang minat serta tahap penglibatan golongan remaja dalam menjalankan aktiviti pelancongan kembaraan. Kajian ini dijalankan melalui edaran borang soal selidik kepada remaja-remaja di Malaysia bagi memperolehi data empirikal. Hasil kajian menunjukkan bahawa industri pelancongan negara sentiasa berusaha untuk meningkatkan sumbangannya kepada sektor perkhidmatan dan pembangunan ekonomi, Malah, kerajaan Malaysia juga turut memperuntukkan sebanyak RM858 juta bagi melaksanakan pelbagai program pelancongan yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi daya saing industri ini serta menarik minat pelbagai segmen pasaran termasuklah golongan muda.

Kajian lepas ini merujuk kepada laporan akhbar digital Sinar Harian yang bertajuk *Industri Pelancongan Malaysia Kembali Rancak* yang ditulis oleh Engku Shariful Azni (2022). Artikel ini membincangkan tentang kebangkitan semula sektor pelancongan Malaysia selepas negara memasuki fasa peralihan endamik pada akhir tahun 2022. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia bagi tahun 2018 dan 2019, Malaysia sering menjadi destinasi pilihan pelancong dari negara-negara Timur Tengah, sekali gus menunjukkan perkembangan positif terhadap daya tarikan pelancongan antarabangsa. Hal ini memperlihatkan bahawa Malaysia bukan sahaja mempunyai potensi pelancongan domestik, malah juga berjaya mengekalkan minat pelancong luar, khususnya dari rantau Timur Tengah yang menjadi antara penyumbang terpenting kepada pemulihan sektor pelancongan negara.

Mohamad Zaki, Johan Afendi dan Mohd Salleh (2008) menerusi kajian mereka yang bertajuk *Membangunkan Kuala Kedah Sebagai Destinasi Pelancongan Warisan; Penerapan Konsep Pembangunan Pelancongan Lestari* menekankan bahawa pembangunan pelancongan merupakan salah satu komponen utama dalam memacu pertumbuhan negara, khususnya apabila digabungkan dengan aktiviti berasaskan warisan yang semakin pesat berkembang. Kajian ini menegaskan bahawa pelancongan berupaya memberikan impak signifikan terhadap perkembangan ekonomi negara. Namun begitu, sekiranya sumber pelancongan dimusnahkan atau tidak dipelihara dengan baik, sesuatu destinasi tidak lagi berupaya menarik minat pelancong. Oleh itu, adalah penting bagi semua lapisan masyarakat untuk memelihara dan memulihara kawasan pelancongan bagi memastikan kelangsungan aktiviti pelancongan, sekali gus dapat menjamin pembangunan pelancongan lestari di sesebuah destinasi.

Terakhir, Jamaluddin Md. Jahi (2009) dalam artikelnya yang bertajuk *Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai* meneliti kesan pembangunan sektor pelancongan terhadap persekitaran fizikal kawasan pinggir pantai. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pembangunan pesat dalam sektor pelancongan, yang mana telah berkembang lebih tiga dekad di Malaysia, memberi implikasi kepada kelestarian alam sekitar. Hasil kajian ini mendapati bahawa zon pinggir pantai merupakan antara kawasan paling popular dan sering menjadi tumpuan pelancong, sama ada pelancong antarabangsa, mahupun pelancong domestik.

Keadaan ini menjadikan kawasan pesisir pantai terdedah kepada tekanan pembangunan dan aktiviti pelancongan yang intensif, sekali gus menimbulkan isu berkaitan pemuliharaan destinasi pelancongan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk bagi kajian ini ialah menggunakan pendekatan campuran iaitu mixed method yang merupakan gabungan analisis kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kebolehan lagu-lagu rakyat Terengganu dalam menarik minat pelancong ke negeri itu. Menurut Creswell (2014), kaedah campuran ini amat sesuai digunakan sekiranya penyelidik ingin menggabungkan kekuatan kedua-dua pendekatan, iaitu penjelajahan mendalam melalui data kualitatif, dan pengukuran empirikal melalui data kuantitatif. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis kandungan nilai pelancongan terhadap lirik lagu rakyat Terengganu yang dipilih. Manakala, pendekatan kuantitatif pula dilakukan melalui edaran soal selidik secara atas talian kepada responden.

Kualitatif

Bagi komponen kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti nilai pelancongan dan budaya yang terkandung di dalam lirik-lirik lagu rakyat Terengganu. Kaedah ini membolehkan pengkaji untuk mengenal pasti tema, makna tersirat, serta simbol budaya dan pelancongan yang hadir dalam teks (Krippendorff, 2018). Analisis kualitatif ini dijalankan dengan berpanduan kepada teori terpilih iaitu teori Sastera Budaya yang telah diadaptasi dan dikembangkan penggunaannya oleh Mana Sikana (2007) untuk meneliti sastera dan budaya Melayu. Adaptasi yang dilakukan oleh Mana Sikana ini adalah wajar kerana teori sastera budaya bersifat terbuka serta membenarkan ianya diubah suai, diperluas, dan disesuaikan mengikut konteks masyarakat yang dikaji. Mana Sikana telah mengembangkan teori ini kepada lima kaedah analisis teks, iaitu:

1. Mengkaji bagaimana wacana budaya beroperasi dalam mengungguli ideologi kekuasaannya.
2. Mengkaji individu dalam pembentukan individualiti dalam gerakan budayanya yang dihubungkan dengan pembentukan sosial yang mengarah kepada konsep kehebatannya.
3. Meneliti pergolakan pembudayaan, terutamanya di dalam aspek pendidikan, ekonomi, sosial, dan sebagainya.
4. Meneliti kekayaan, pelestarian, dan petanda artifak.
5. Menganalisis realiti struktur ideologi budaya pascamoden dan pascakolonial termasuklah konsep hibridisme.

Berdasarkan kelima-lima prinsip ini, pengkaji memilih untuk mengaplikasikan kaedah ketiga sahaja, di mana pengkaji akan meneliti pergolakan dan permasalahan yang berlaku terhadap pembudayaan masyarakat di Terengganu berkaitan kedua lagu rakyat Terengganu terpilih. Oleh itu, pengkaji akan menilai tiga aspek yang diperolehi daripada kaedah ketiga iaitu menilai aspek pendidikan, aspek ekonomi, dan aspek sosial.

Kuantitatif

Pengkaji menjalankan komponen kuantitatif menerusi pengedaran soal selidik secara atas talian iaitu menggunakan borang Google Form kepada responden yang terdiri daripada masyarakat umum dan berpotensi sebagai pelancong domestik ke Terengganu. Soal selidik ini mengandungi beberapa bahagian utama iaitu latar belakang demografi, tahap pengetahuan mengenai lagu rakyat Terengganu, persepsi dan minat responden terhadap lagu rakyat sebagai daya tarikan pelancongan, serta cadangan responden berkaitan strategi promosi pelancongan menggunakan lagu rakyat. Instrumen soal selidik ini dibina menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai tahap persetujuan responden terhadap kenyataan yang dikemukakan. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif oleh pengkaji.

Populasi kajian merangkumi rakyat Malaysia, manakala teknik pensampelan ialah menggunakan pensampelan mudah (convenience sampling). Hal ini kerana pengedaran soal selidik dilakukan secara atas talian. Pengkaji memilih teknik pensampelan ini adalah kerana ianya lebih sesuai kerana membolehkan data dikumpul dengan lebih pantas serta melibatkan responden yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Menurut Creswell dan Plano Clark (2017), pemilihan kaedah campuran dengan pensampelan mudah amat berguna dalam kajian penerokaan.

Secara keseluruhannya, analisis data dalam kajian ini dilaksanakan menerusi dua peringkat, iaitu yang pertama, analisis tematik yang dijalankan terhadap lirik lagu rakyat Terengganu bagi mengenal pasti unsur warisan, budaya, dan nilai pelancongan. Seterusnya yang kedua, analisis deskriptif kuantitatif terhadap data yang diperolehi daripada data soal selidik. Hal ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana masyarakat berminat dan terpengaruh untuk melancong ke negeri Terengganu melalui pendedahan awal kepada lagu rakyat di Terengganu. Gabungan ini membolehkan pengkaji menjawab kedua-dua objektif kajian dengan lebih menyeluruh.

ANALISIS KAJIAN

Di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih tiga lagu rakyat Terengganu sebagai sampel analisis, iaitu lagu *Ayun Buai Kokek*, *Watimang Landok* dan lagu *Ulek Mayang*. Pemilihan ketiga-tiga lagu ini dibuat kerana ianya mempunyai warisan muzik tradisional Terengganu yang kekal menggunakan dialek atau loghat kebanyakan penduduk di negeri Terengganu. Selain itu, pemilihan lagu ini adalah kerana ianya masih dikenali oleh masyarakat tempatan, malah juga lagu *Ulek Mayang* dan *Watimang Landok* tidak asing lagi di telinga masyarakat di luar negeri Terengganu. Ketiga-tiga lagu ini dipilih kerana pengkaji percaya bahawa ianya memegang nilai yang amat besar dan memberi gambaran yang seimbang tentang kepelbagaian fungsi lagu rakyat iaitu sebagai hiburan, mencerminkan identiti sesuatu individu serta sebagai medium ritual budaya kepada masyarakat di Terengganu. Oleh hal demikian, menerusi analisis kajian ini, pengkaji akan menerangkan nilai-nilai pelancongan yang ditemui di dalam ketiga-tiga lirik lagu rakyat terpilih, sekaligus mengkaji sejauh mana ianya dapat memberikan tarikan kepada pelancong untuk melancong ke negeri pesisir pantai ini.

MENGANALISIS NILAI BUDAYA YANG TERDAPAT DI DALAM LIRIK LAGU RAKYAT TERPILIH.

Aspek pendidikan

Bagi lagu pertama iaitu lagu *Ayun Buai Kokek*, analisis menunjukkan bahawa kandungan lirik lagu itu lebih menonjolkan aspek pendidikan dan sosial berbanding dengan aspek ekonomi. Lagu ini secara tradisinya sering digunakan untuk mendodoi dan mengulik untuk menidurkan anak kecil, sekaligus memperlihatkan fungsi pendidikan yang tidak formal yang telah diasuh oleh ibu bapa sejak kecil lagi kepada anak-anak mereka. sebagaimana yang dapat dilihat menerusi tiga baris lirik lagu tersebut iaitu:

Bangun pagi-pagi, terus pergi mengaji.
Belum tumbuh gigi, pandai baca kitab.
Bila pandai mengaji, hidup jadi senang

Lirik-lirik lagu tersebut mengandungi mesej bahawa ilmu merupakan salah satu asas penting untuk hidup yang sejahtera dan diberkati. Lirik ini mencerminkan aspirasi masyarakat tradisional yang mengutamakan pendidikan dan pembelajaran sejak kecil sebagai jalan untuk membentuk insan yang berguna. Walaupun pada asalnya istilah ‘mengaji’ merujuk kepada pembelajaran al-Quran dan kitab agama, akan tetapi maksud yang terkandung boleh ditafsirkan kepada usaha menuntut ilmu secara umum yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak dan kesejahteraan hidup. Istilah ‘mengaji’ yang bermaksud belajar sering kali digunakan oleh masyarakat lama di Pantai Timur.

Hal ini sejajar dengan falsafah masyarakat Melayu Terengganu yang melihat pendidikan, khususnya pendidikan agama sebagai tunjang kepada jati diri dan pembinaan insan yang berguna. Dalam konteks pelancongan pula, lagu ini boleh dijadikan satu elemen untuk menonjolkan bagaimana kehidupan masyarakat Terengganu yang sering mengangkat ilmu sebagai nilai teras dalam kehidupan seharian.

Seterusnya ialah aspek pendidikan yang terkandung di dalam lirik lagu rakyat Terengganu yang bertajuk *Watimang Landok*. Lirik lagu ini sarat dengan penggunaan peribahasa, simbol alam, dan bahasa kiasan yang mencerminkan kepintaran masyarakat Melayu tradisional dalam menyampaikan mesej secara tersirat.

*Nyor manis pelepoh lembut,
Mulut manis hati pun lembut
Hati kasih lah dek nandung, ku turut juga*

Berdasarkan lirik lagu *Watimang Landok* di atas, dapat dilihat bahawa lagu ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga mengandungi pendidikan tentang nilai budi bahasa, makna kasih sayang, dan kelembutan hati dalam kehidupan masyarakat di Terengganu sejak zaman dahulu lagi. Selain itu, lagu ini juga menunjukkan bahawa kehidupan masyarakat tradisional Melayu penuh dengan nilai kesederhanaan, kasih sayang, kesetiaan, serta kebersamaan dalam komuniti. Penggunaan dialek Terengganu di dalam lirik lagu ini menjadikan ianya berperanan sebagai medium pewarisan bahasa dan budaya lisan daripada satu generasi ke generasi yang berikutnya. Pada masa yang sama, struktur mainan perkataan iaitu pengulangan dalam lagu ini membantu melatih memori dan daya ingatan kanak-kanak. Hal ini dapat dikaitkan dengan cara penyampaiannya iaitu seringkali dinyanyikan dalam suasana santai dan beramai-ramai, sekali gus menjadikannya satu bentuk pendidikan tidak formal. Melalui hiburan berbentuk lagu ini, nilai pendidikan moral, emosi, dan bahasa dapat disampaikan kepada generasi seterusnya.

Meneliti lirik lagu seterusnya iaitu lagu *Ulek Mayang*, ianya mengandungi beberapa nilai pendidikan, seiring dengan fungsinya sebagai medium pewarisan kepercayaan dan pengetahuan tradisional masyarakat pesisir pantai di Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana lagu ini mempunyai sejarah latar belakang tempat berlakunya peristiwa yang diceritakan di dalam lagu *Ulek Mayang* ini ialah di pesisiran sebuah pantai di Terengganu. Aspek pendidikan yang dapat dilihat di dalam lagu *Ulek Mayang* ialah menerusi pengulangan penggunaan perkataan menerusi sepanjang lagu tersebut. Sebagai contoh yang disertakan di bawah, pengulangan tentang setiap puteri yang beransur daripada puteri dua sehingga puteri tujuh bukan sahaja dapat melatih daya ingatan, tetapi juga dapat memperkenalkan struktur naratif ritual yang diwarisi.

*Umbok, mayang diumbok
Umbok dengan jala jemala,
Puteri tujuh berbaju serong
Puteri tujuh bersanggul sendeng
Puteri tujuh bersubang gading
Puteri tujuh berselendang kuning*

Lagu ini juga dapat mengajar generasi baharu tentang sistem kosmologi Melayu di tanah Terengganu pada zaman terdahulu. Selain itu, ianya juga dapat memberikan ilmu pengetahuan terhadap generasi kini tentang kepercayaan masyarakat dahulu terhadap semangat laut dan dunia mistik. Secara tidak langsung, ia mendidik masyarakat tentang sejarah, kepercayaan, dan identiti budaya yang membentuk identiti jati diri komuniti pesisir pantai di Terengganu.

Aspek Ekonomi

Setelah mengkaji lirik ketiga-tiga lagu rakyat Terengganu yang terpilih, pengkaji mendapati bahawa hanya lagu *Ulek Mayang* sahaja mengandungi aspek ekonomi. Hal ini kerana, lagu *Ulek Mayang* begitu dikenali dan mendapat perhatian masyarakat di segenap Malaysia dan sering dijadikan sebagai persembahan bukan sahaja oleh komuniti di Terengganu, tetapi juga oleh seluruh masyarakat Malaysia.

Perkara ini jelas membuktikan bahawa lagu *Ulek Mayang* berfungsi sebagai produk pelancongan budaya yang mempunyai nilai komersial. Walaupun asal-usul sebab lagu ini adalah berperanan dalam konteks ritual, akan tetapi masyarakat di zaman moden ini telah berjaya mentransformasikannya ke dalam bentuk persembahan moden, sekali gus menjadikannya salah satu daya tarikan utama di dalam festival, karnival pelancongan, dan acara kebudayaan.

*Puteri dua berbaju serong,
Puteri dua bersubang gading,
Puteri dua berselendang kuning*

Berdasarkan lirik-lirik berulang di atas yang menghuraikan penampilan ketujuh-tujuh orang puteri laut tersebut, ianya dapat memberi nilai estetika yang mudah untuk diadaptasi ke dalam tarian, muzik pentas dan persembahan pelancongan. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada penggiat seni untuk menjana pendapatan melalui komersialan warisan tidak ketara ini. Selain itu, ianya juga dapat memperkayakan pengalaman pelancong yang menonton persembahan tersebut. *Ulek Mayang* juga dapat membawa nilai budaya ke mata masyarakat seluruh Malaysia, dan juga dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan ekonomi pelancongan di Terengganu.

Aspek Sosial

Dari aspek sosial, pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga lagu rakyat Terengganu terpilih mengandungi aspek sosial. Sepertimana yang terkandung di dalam lirik *Ayun Buai Kokek*, aspek sosial yang dapat dilihat ialah fungsi utamanya iaitu sebagai medium pengikat hubungan di dalam keluarga, khususnya antara ibu bapa dan anak. Hal ini dikatakan demikian kerana lagu *Ayun Buai Kokek* digunakan untuk mendodoi anak untuk tidur atau bermain dan bermain dengan anak di dalam buaian seperti mana lirik di bawah.

*Timang tinggi-tinggi, tinggi pucuk telagi
Bangun pagi-pagi, terus pergi mengaji
Bila besor nanti, jadi orang berguna*

Lirik di atas telah menggambarkan suasana keibubapaan yang penuh dengan kasih sayang, lebih-lebih lagi apabila ibu bapa menimang anak sambil mendendangkan lagu *Ayun Buai Kokek* yang mengandungi nasihat dan harapan. Lagu ini juga sering dinyanyikan dalam konteks mendodoikan atau bermain dengan anak kecil, sekali gus menjadikannya bukan sahaja bentuk hiburan, tetapi juga satu medium sosial yang menyalurkan nilai, harapan, dan norma masyarakat terhadap generasi baharu yang akan menjadi harapan negara kelak. Melalui pengulangan lirik seperti yang terdapat di atas, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu tradisional menekankan peranan sosial seseorang anak iaitu sebagai individu yang berilmu dan mampu menyumbangkan perkara positif kepada masyarakat. Oleh itu, jelaslah lagu *Ayun Buai Kokek* ini membuktikan bahawa nyanyian lagu rakyat berfungsi sebagai mekanisme sosialisasi yang tidak formal dan halus, tetapi berkesan dalam membentuk identiti dan jati diri sosial generasi muda.

Seterusnya ialah menerusi lagu rakyat Terengganu *Watimang Landok* pula menonjolkan aspek sosial melalui fungsinya iaitu juga sebagai satu bentuk hiburan kolektif yang sering didendangkan secara beramai-ramai dalam kalangan masyarakat. Lirik berulang seperti di bawah bukan sahaja berfungsi sebagai chorus yang mudah diingati, tetapi juga dapat menciptakan satu suasana kebersamaan dan kerian.

*Watimang watimang landok
Landok sesama landok
Turun ke pantai lah dek nandung membeli beras
Kalau hendak sesama hendak
Watimang watimang landok
Gajoh berantai lah dek nandung*

*Lagikan terlepas
Nyor manis pelepop lembut
Mulut manis hati pun lembut*


Pengulangan kata-kata dan irama ringan yang terdapat di dalam lagu ini menggalakkan lagi interaksi sesama individu yang menyanyi, serta dapat melatih daya ingatan dan kreativiti lisan, khususnya kepada kanak-kanak dan remaja. Dari aspek sosial, *Watimang Landok* memperlihatkan peranan lagi rakyat sebagai medium untuk mengeratkan silaturrahim, menghiburkan masyarakat, dan menyampaikan mesej-mesej kehidupan secara tersirat. Menerusi lirik di atas, “Nyor manis pelepop lembut, mulut manis hati pun lembut”, ianya dapat mendidik masyarakat supaya menjaga pertuturan dan budi pekerti, serta menjadikan lagu ini bukan sahaja hiburan, tetapi juga satu bentuk nilai sosial yang diterapkan di dalam diri masyarakat di Terengganu. Maka, lagu *Watimang Landok* ini jelas memainkan peranan sosial yang besar dalam memupuk rasa kebersamaa, solidariti dan identiti kolektif masyarakat Terengganu.

Lagu rakyat Terengganu terpilih yang terakhir ialah lagu *Ulek Mayang*. Sekiranya dilihat dari aspek sosial, dapat dilihat peranannya dalam menjadi satu medium kolektif yang mengikat hubungan sesama komuniti melalui persembahan lagu *Ulek Mayang* yang dipersembahkan di khalayak ramai secara beramai-ramai. Lirik *Ulek Mayang* yang berstruktur pengulangan seperti:

*Ulek mayang di ulek
Ulek dengan puteri nya empat
Umbuk mayang di umbuk
Umbuk dengan jala jemala*


Dapat dilihat gaya nyanyian yang sesuai untuk dinyanyikan secara berulang-ulang oleh sekumpulan orang. Hal ini adalah kerana, pada zaman dahulu, lirik-lirik yang terkandung di dalam lagu ini adalah perkataan-perkataan yang digunakan di dalam ritual penyembuhan pesakit yang dipercayai dirasuk semangat laut. Ini menjadikan persembahan lagu ini bukan sahaja amalan spiritual, tetapi juga acara sosial yang melibatkan seluruh komuniti. Selain itu juga, lagu *Ulek Mayang* telah membuktikan bahawa sosial masyarakat di Terengganu adalah sering dikaitkan dengan pantai kerana kedudukan komuniti di negeri itu adalah di pesisir pantai. Jika dilihat melalui sudut sosial moden, lagu ini dipentaskan di dalam festival atau acara kebudayaan sebagai tarian beramai-ramai, sekali gus dapat mengukuhkan lagi identiti sosial masyarakat Terengganu di mata pelancong. Melalui nyanyian dan tarian kolektif ini, masyarakat bukan sahaja menghiburkan diri, tetapi juga mengekalkan solidariti serta memperkukuhkan jalinan sosial yang telah wujud dan diwarisi sejak turun-temurun. Maka, *Ulek Mayang* membuktikan bahawa lagu rakyat tidak hanya membawa fungsi hiburan, tetapi juga berperanan sebagai satu bentuk medium yang memelihara identiti komuniti.

Menilai sejauh mana lirik lagu rakyat memberikan tarikan kepada pelancong




Rajah 1: Negeri Asal Responden

Berdasarkan data responden yang telah diperolehi iaitu seramai 30 orang, majoriti responden adalah berasal dari negeri Kelantan dengan 5 orang (16.7%). Negeri Terengganu dan negeri Johor pula mencatatkan 4 orang responden dengan bilangan 13.3%, manakala negeri Melaka dan Pahang masing-masing 3 orang (10%). Seterusnya, Kedah, Perak, Sarawak dan Wilayah Persekutuan masing-masing menyumbang 2 orang responden (6.7%). Selebihnya, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, dan Sabah hanya mencatatkan seorang responden sahaja (3.3%), manakala tiada responden dari negeri Perlis dan Selangor. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa responden datang dari pelbagai latar belakang negeri, namun majoriti lebih tertumpu kepada negeri-negeri di pantai timur Semenanjung seperti Kelantan dan Terengganu.



Rajah 2: Peratusan Responden yang Pernah dan Tidak Pernah Melawat Terengganu


Seterusnya, berdasarkan soal selidik ini, kesemua 30 orang responden (100%) pernah mengunjungi negeri Terengganu. Dapatan ini menunjukkan bahawa semua responden mempunyai pengalaman langsung berada di negeri tersebut. Oleh itu, pandangan mereka terhadap pernanaan lagu rakyat sebagai daya tarikan pelancongan boleh dianggap lebih autentik kerana didasari pengalaman peribadi semasa berkunjung ke Terengganu.



Rajah 3: Peratusan Responden yang Pernah Mendengar Lagu Rakyat Terengganu

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua 30 orang responden iaitu berpurata 100% pernah mendengar lagu rakyat Terengganu seperti *Watimang Landok* dan *Ulek Mayang*. Keputusan ini membuktikan bahawa lagu rakyat Terengganu sememangnya dikenali secara meluas dan mempunyai tahap pendedahan tinggi dalam kalangan responden. Hal ini secara tidak langsung telah menegaskan bahawa lagu rakyat boleh dijadikan sebagai medium budaya yang berpotensi menarik perhatian pelancong kerana tahap pengenalannya sudah kukuh dalam kalangan masyarakat di Malaysia.


Lagu rakyat Terengganu mencerminkan identiti dan budaya masyarakat setempat.
30 responses



Rajah 4: Skala Respon (1= Sangat Setuju, 5= Sangat Tidak Setuju) Bagi Pernyataan Lagu Rakyat Mencerminkan Identiti Budaya

Seterusnya, graf di atas menunjukkan bahawa seramai 23 orang responden (76.7%) sangat bersetuju bahawa lagu rakyat Terengganu mencerminkan identiti dan budaya masyarakat setempat. Selain itu, 4 orang responden (13.3%) telah bersetuju pada tahap sederhana, manakala hanya 3 orang responden (9.9%) memberikan jawapan bercampur sama ada berkecuali atau tidak bersetuju. Hal ini membuktikan bahawa majoriti besar responden mengiktiraf peranan lagu rakyat sebagai lambang identiti serta budaya masyarakat tempatan, khususnya di Terengganu.

Lagu rakyat boleh dijadikan sebagai daya tarikan pelancongan budaya di Terengganu
30 responses



Rajah 5: Skala Respon (1= Sangat Setuju, 5= Sangat Tidak Setuju) Bagi Pernyataan Lagu Rakyat Boleh Dijadikan Daya Tarikan Pelancongan Budaya di Terengganu

Hasil dapatan bagi graf di atas menunjukkan bahawa majoriti besar responden iaitu seramai 25 orang (83.3%), sangat bersetuju bahawa lagu rakyat Terengganu boleh dijadikan sebagai daya tarikan pelancongan budaya di Terengganu. Selain itu, 2 orang responden (6.7%) bersetuju sederhana, manakala selebihnya masing-masing seorang responden (3.3%) memberikan jawapan berkecuali, agak tidak bersetuju, dan tidak bersetuju sama sekali. Dapatan ini secara keseluruhannya menggambarkan bahawa lagu rakyat memiliki potensi yang besar untuk diketengahkan sebagai produk pelancongan budaya kerana telah jelas menunjukkan ianya mendapat sokongan positif daripada majoriti responden.

Pada soalan soal selidik yang terakhir, pengkaji telah meminta cadangan daripada responden berkenaan cara terbaik untuk memperkenalkan lagu rakyat Terengganu kepada pelancong. Berdasarkan jawapan daripada kesemua responden, mereka memberikan pelbagai cadangan, antara yang paling banyak diketengahkan ialah memainkan lagu rakyat di lokasi utama pelancong, seperti di hotel, pasar raya, tempat pelancongan, dan acara rasmi. Ada juga responden yang mencadangkan agar lagu rakyat dimainkan di corong-corong radio, dipromosikan melalui media sosial, serta diselitkan dalam festival atau program kebudayaan agar mudah diakses oleh masyarakat umum.

Selain itu, beberapa responden mencadangkan agar persembahan lagu rakyat diadakan secara langsung di lokasi pelancongan popular seperti Pasar Payang dan Jambatan Ikonik di Terengganu iaitu jambatan angkat Drawbridge. persembahan ini boleh diperkaya dengan elemen lakonan, tarian tradisional seperti Ulek Mayang, atau pertandingan nyanyian bagi menarik minat pengunjung. Cadangan lain termasuklah penghasilan video pendek dengan sari kata dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang menerangkan maksud serta sejarah lagu rakyat, agar pelancong antarabangsa lebih mudah untuk memahaminya.

Menariknya, daripada dapatan jawapan yang diperolehi daripada kesemua responden, terdapat juga responden yang mengesyorkan penglibatan pemuzik tradisional dan moden dalam aktiviti ekopelancongan, serta usaha kerjasama bersama Kementerian Pelancongan dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Cadangan ini bertujuan untuk memastikan lagu rakyat Terengganu dapat dipromosikan ke peringkat antarabangsa. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa media moden, persembahan secara langsung, pertandingan serta kerjasama industri rasmi adalah antara kaedah utama yang diyakini berkesan dan berhasil untuk memperkenalkan lagu rakyat Terengganu kepada para pelancong.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, lagu rakyat Terengganu yang dipilih menunjukkan bahawa lagu-lagu ini sememangnya mengandungi pelbagai nilai budaya yang dapat diterjemahkan sebagai nilai pelancongan melalui kerangka teori sastera budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui lagu *Ayun Buai Kokek*, dapat dilihat aspek yang ditonjolkan iaitu aspek pendidikan dan aspek sosial menerusi nasihat menuntut ilmu, dan juga harapan kepada generasi muda untuk menjadi insan berguna. Seterusnya, dalam lagu *Watimang Landok* juga menunjukkan kedua aspek tersebut iaitu aspek pendidikan dan sosial melalui hiburan kolektif, penggunaan dialek, dan juga bahasa kiasan yang dapat mendidik tentang budi pekerti masyarakat. Lagu ketiga iaitu lagu *Ulek Mayang* dapat memperlihatkan ketiga-tiga aspek utama di dalam teori sastera budaya iaitu aspek pendidikan, sosial, dan ekonomi. Ini dikatakan apabila lagu rakyat ini diangkat sebagai satu produk persembahan budaya dalam konteks pelancongan. Hal ini membuktikan bahawa lagu-lagu rakyat bukan sekadar warisan hiburan tradisional, malah ianya juga memiliki potensi besar untuk dijadikan sebagai satu medium yang memperkayakan lagi pengalaman pelancong di Terengganu.

Dilihat pula menerusi objektif kedua yang menunjukkan lagu rakyat Terengganu sememangnya mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai satu tarikan pelancongan budaya di Terengganu. Analisis kuantitatif di objektif dua menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap kesedaran akan kewujudan lagu rakyat Terengganu yang tinggi seperti Ulek Mayang dan Watimang Landok. Malah, sebahagian besar daripada mereka bersetuju bahawa lagu rakyat mencerminkan identiti serta budaya masyarakat setempat. Ianya juga dipercayai berupaya meningkatkan minat pelancong untuk mengunjungi negeri Terengganu. Hasil soal selidik ini juga mendapati bahawa persembahan yang dilakukan terhadap lagu rakyat dipercayai mampu menjadi medium promosi pelancongan yang berkesan, selari dengan pandangan bahawa seni dan budaya adalah aset penting dalam usaha untuk memperkukuhkan sektor pelancongan. Tambahan pula, cadangan yang dikemukakan oleh responden seperti memainkan lagu rakyat di lokasi pelancongan, hotel, pasar raya, media sosial, dan corong radio serta menganjurkan persembahan langsung kepada pelancong di lokasi ikonik seperti Pasar Payang, Muzium Negeri dan Jambatan Drawbridge telah membuktikan bahawa masyarakat melihat potensi besar lagu rakyat untuk diketengahkan dalam pelbagai bentuk promosi kreatif.

Tidak kurang juga, terdapat beberapa pandangan agar mengadakan penganjuran festival, pertandingan nyanyian, penyediaan video pendek dengan sari kata pelbagai bahasa, serta kerjasama dengan pihak berkuasa seperti Kementerian Pelancongan dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dapat memastikan promosi lagu rakyat ini mencapai ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, jelaslah bahawa lagu rakyat Terengganu bukan sekadar warisan budaya yang diwarisi turun-temurun, tetapi juga merupakan sebuah instrumen atau alat yang strategik untuk diangkat sebagai satu produk pelancongaan budaya yang unik dan berdaya saing.

Sekali gus, dapat memperkukuhkan identiti negeri Terengganu di mata pelancong domestik mahupun antarabangsa.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada institut Peradaban Melayu kerana telah membuka ruang, memberi kepercayaan dan sudi menerbitkan jurnal ini. Pengkaji turut ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada penyelia penyelidikan atas bimbingan yang penuh sabar, panduan yang jelas, nasihat yang diberikan sepanjang proses kajian ini dijalankan. Tidak dilupakan, keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral serta menjadi pendorong utama untuk pengkaji terus melangkah. Segala bantuan, doa, dan dorongan mereka amat besar ertinya dalam penyempurnakan kajian ini yang diusahakan sebagai satu langkah untuk memperluaskan cakupan pengetahuan, serta menyumbang kepada perbincangan ilmiah dalam bidang peradaban Melayu.

RUJUKAN

- Ahmad, M. Z., Ibrahim, J. A., & Salleh, H. M. (2008). *Membangunkan Kuala Kedah sebagai destinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari* [Kertas konseptual]. Universiti Utara Malaysia.
- Aida Kamaruddin. (2020, Disember 24). *Tiada jati diri punca lagu rakyat pupus*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/premium/2020/12/tiada-jati-diri-punca-lagu-rakyat-pupus/>
- Aziz, N. A., Ariffin, A. A. M., & Tan, W. V. (2009). Kajian awalan ke atas potensi pelancongan kembaraan dalam pasaran remaja di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 29(4), 57-74. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2009-29-04>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2017). *Designing and conducting mixed methods research* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Engku, S. N. (2022, Mei 10). Industri pelancongan Malaysia kembali rancak. *Sinar Harian*.
- Er, A. C. (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 9(3), 12–23.
- Jamaluddin, M. J. (2009). *Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai*. Malaysian Journal of Environmental Management, 10(2), 71-87.
- Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Leiper, N. (1981). Towards a cohesive curriculum in tourism: The case for a distinct discipline. *Annals of Tourism Research*, 8(1), 69–84.
- Mahmud, F. S. (2022). *Lagu rakyat makin terpinggir*. Berita Harian. <https://www.abpbh.com.my/berita/lagu-rakyat-makin-terpinggir-942858>
- Nor Faizah, I. (2022). *Kajian terhadap lagu-lagu rakyat yang popular di Negeri Kelantan* (Tesis Ijazah Sarjana Muda). Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurul. S. A., Hussin, N. A. M., Ghazali, S. A. I., & Ibrahim, Z. (2023). Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 4(2), 132-142.
- Richards, G. W. (2018). *Cultural tourism: A review of recent research and trends*. Journal of Hospitality and Tourism Management, 36, 12–21. <https://doi.org/10.1016/j.jhtm.2018.03.005>
- Rosli, S. F. N., Mhd Bakri, Y., & Abdullah, M. H. (2021). Persepsi Guru Pelatih Terhadap Penciptaan Lirik Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional sebagai Bahan Pengajaran Topik Fotosintesis Murid Tingkatan Satu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(2), 22-29. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.3.2022>
- Rosyiha Sidek. (2010). *Nilai-nilai murni dalam lagu rakyat Terengganu* (Tesis Sarjana Muda), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Shazali, F. (2017). *Konsep lagu rakyat*. Jurnal/Artikel tidak diterbitkan secara rasmi / sumber dalam talian. Academia.edu. https://www.academia.edu/38273436/Konsep_lagu_rakyat

- Timothy, D. J., & Nyaupane, G. P. (2009). *Cultural heritage and tourism in the developing world: A regional perspective*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203871405>
- UNESCO. (2003). Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage. Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://ich.unesco.org/en/convention>
- United Nations World Tourism Organization. (2022). *International Tourism Highlights, 2022 Edition*. Madrid: UNWTO. <https://www.unwto.org/international-tourism-highlights>
- Utusan Malaysia. (2022). *Tourism Malaysia sedia terima pelancong asing*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/tourism-malaysia-sedia-terima/>
- Wan Nur Atikah, W. A. R. (2011). *Kajian terhadap tema dan persoalan dalam lagu rakyat negeri Kelantan* (Tesis Sarjana Muda). Universiti Malaysia Kelantan.
- Zainal Abidin, Z. (2022). Kanak-kanak lebih kenal lagu Inggeris berbanding lagu rakyat Melayu. *Berita Harian*